

# SIFAT SEORANG MUSLIM

Oleh

Kiyai Haji Abdul Samad, Jakarta

Tiap-tiap suatu yang dijadikan Allah mempunyai sifat sendiri. Misalnya kambing takutkan air, kucing bersifat pejilat, kera atau monyet bersifat lucu atau jenaka, itik suka di pelimbahan, ayam suka di palsugan dan sebagainya. Adapun sifat manusia ada Allah menerangkan dalam al-Quran yang mulia dengan firmanNya: *innal insana khuliqa haluan. Iza massahul syarru jazuan. Wa iza massahul khairu manuuan. Illal musollin.* – Al-Ma’arij ayat 19,20,21 dan 22.

Sesungguhnya manusia itu bersifat keluh kesah. Jikalau ia ditimpa kesukaran, dia mengadu, jikalau ia beroleh kesenangan, dia bakhil atau kikir, kecuali orang-orang yang sembahyang. Maka apa yang di khabarkan Allah dalam kitabnya yang mulia ini sangatlah benarnya. Lihatlah orang-orang yang tidak kenal sembahyang itu jika pada satu ketika ia ditimpa kesusahan, bukan alang kepalang ributnya, dia lupa daratan seolah-olah tidak berpijak di bumi lagi. Langit sudah rendah sangkanya, mau dia mati sahaja sekarang itu juga dan tidak jarang yang terus terjun ke laut membunuh diri. Pada sangkanya, kalau ia sudah mati itu akan habis begitu sahaja hal ehwalnya. Ia lupa bahawa setelah ia mati itu masih banyak yang mesti dihadapi dan diselesaikannya. Sebaliknya jika seseorang beroleh kesenangan, tidak sedikit yang gila terlonjak-lonjak, lupa kain lupa baju baginya tak ada yang punya alam ini selain daripadanya. Maka dilepaskannya hawa nafsunya sepuas-puasnya. Bertemu arak, arak di minum, bertemu perempuan lacur, ia berzina – bertemu rumah judi, ia berjudi dan sebagainya. Pada sangkanya dengan demikian itu akan puaslah hawa nafsunya. Sayang dia tidak insaf ada pun yang bernama hawa nafsu itu tidak pernah

puas-puasnya – dapat satu mahu sepuluh, dapat sepuluh, mahu seratus sampai seribu, selekas sakti, sejuta dan seterusnya.

Dalam pada itu pun Allah yang menjadikan semesta alam ini terlampau sangat luas rahmat dan ra’upannya. Jika manusia ingin terlepas daripada sifat-sifat yang jahat itu, Allah memberi jalan supaya manusia itu berbuat taat kepadanya, terutama “sembahyang” dengan sembahyang akan terlepas manusia daripada bala bencana dunia dan akhirat. Dengan sembahyang akan ada perhubungan langsung antara manusia dengan Tuhannya. Sebaliknya mereka yang tidak sembahyang, adalah sebagai layang-layang putus talinya, di langit tidak di bumi bukan, ia akan jatuh entah ke laut entah ke gunung maka dapatlah di pastikan ia akan jatuh ke dalam jurang neraka jahanam.

Tetapi ingatlah sidang pembaca yang dihormati. Sembahyang yang akan melepaskan manusia daripada bala bencana dunia dan akhirat itu, iaitu sembahyang yang benar, sembahyang dengan jiwa dan hati. Bukan dengan mulut sahaja karimat karimut bukan anggota sahaja tunggang tonggeng – bukan sidang pembaca, sekali lagi bukan! Yang dimaksudkan dengan sembahyang itu iaitu dengan zahir dan batinnya. Zahir badan mengadap kiblat, tetapi hati atau jiwa mengadap Allah. Mulut membaca-baca, tetapi hati berkata-kata dengan Allah, dia khusyuk eratnya diam, hati pun diam. Bergerak anggota kalau berpindah dari satu rukun kepada rukun yang lain. Bergerak bibir kalau membaca, bergerak hati kerana mengingat Tuhannya. Badannya tawadduk dan hatinya pun tawadduk.

Akan tetapi sidang pembaca yang dihormati, cara sembahyang yang tersebut itu, tidaklah dapat dilakukan dengan sekali pukal, dengan sekali gus dan jangan pula lalu tidak mahu sembahyang kerana tidak khusyuk, kerana tidak tawadduk, sembahyang sahajalah, khusyuk dan tawadduk akan tiba di belakang, atas nikmat Allah yang disembah itu.

Apakala manusia dengan patut dan gemar melakukan

(sambungan pada muka 28)

Pada hari ini setiap-setiap saat dan ketika mereka sentiasa membuat perkiraan dan mengatur pelan hendak mengelak atau menghindarkan hukuman Allah itu: Sekejap-sekejap terbang ke sana, sekejap-sekejap mesyuarat di sini dan sebagainya. Tetapi firman Tuhan dalam Quran (*wamaqaru wamaqarullah wallahu khairul makirin* : Surah Al-Imran 54). Ertinya: “Mereka mengatur-mengatur pelan dan Allah Taala pun mengatur pelan, tetapi Allah Taala itulah yang terlebih pandai sekali mengatur di antara pengatur-pengatur pelan sekaliannya,” oleh itu kerap kali kita lihat bahawa pelan-pelan yang mereka atur itu jugalah akhirnya yang selalu membawa terjadinya perkara yang mereka hendak elakkan itu!

---

(sambungan daripada muka 14)

Ibadat sembahyang itu nescaya kepadanya dikurniakan Allah sifat-sifat orang muslim sebagai yang tersebut dalam Quran surah Al-Furqan ayat 62 hingga 77. Saya salinkan dalam bahasa Melayu: “hamba Allah yang soleh, ialah yang berjalan di bumi Allah dengan tenang – tidak sombong- jika berselisih dengan orang-orang jahat, dia menjawab”selamat” mereka itu pada tiap-tiap malam berdiri dan sujud akan Tuhannya. Mereka itu berdoa kepada Allah, Ya Allah! Lepaskanlah kami daripada azab neraka. Sesungguhnya azab neraka itu sangatlah dahsyatnya. Sesungguhnya dalam neraka itu sejahat-jahat tempat tinggal mereka itu orang-orang Islam. Jika mereka berbelanja tidaklah berlebih-lebihan, tetapi tidaklah mereka bakhil. Berbelanjalah mereka itu dengan sederhana atau pertengahan. Orang-orang Islam itu tidak memohonkan pertolongan hanyalah kepada Allah. Tidak mereka bunuh membunuh kecuali dalam sabilillah. Tidak mereka berbuat zina kerana orang-orang yang berzina itu akan menerima hukuman yang dahsyat di lipat gandakan hukuman itu pada hari akhirat bahkan kekal dalam tempat yang hina melainkan mereka yang taubat akan kesalahannya dan berbuat berbagai-bagai kebajikan. Mereka itulah orang yang diganti Allah kejahatannya dengan

Akan kita sekarang inilah pula contoh tauladan yang hendak kita tiru, bukan contoh tauladan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah pada ketinggian sifat-sifat perangai dan akhlak. Adakah akan boleh membawa selamat pada akhirnya kelak? Masyaallah! Jepun telah menirunya, maka Jepun telah menerima pukulan kejatuhan daripada tirulannya itu! China telah menirunya, maka China pun telah mendapat dan tengah lagi menanggung hukuman itu pula – sentiasa di dalam permusuhan dan benci-bencian sama sendiri! Banyak lagi orang lain yang telah meniru dan tengah menirunya, dan mereka pun tiada syak tentu akan sampai ke pintu itu juga jika mereka tidak mementingkan sifat-sifat makram akhlak yang kita bicarakan ini.

kebajikan. Bahawasanya Allah itu sangat pengampun dan sangat pengasih. Barang siapa berbuat amal soleh maka sesungguhnya Allah akan mengurniakan taubat kepadanya dan menerima taubatnya. Orang-orang Islam itu nanti tidak mahu menjadi saksi yang palsu. Apabila mereka itu berjalan melalui orang-orang yang berbuat maksiat, mereka lewat sahaja dengan baik-baik. Apabila dibacakan nama Allah kepada mereka itu didengarkannya baik-baik, tidaklah mereka pura-pura pekak atau buta, mereka itu berseru-serukan Tuhannya ya Allah! Kurniakanlah akan isteri-isteri kami, dan anak buah kami ikutan orang-orang yang taqwa. Mereka itulah yang beroleh rahmat kurnia Allah syurga, oleh kerana mereka itu sabar, sabar dalam berbuat taat dan sabar daripada berbuat dosa. Kekallah ia dalam kesenangan abadi. Katakanlah kepada mereka yang kafir itu, Allah tidak akan menghiraukan mereka itu, walaupun mereka tidak menyembah Allah. Sungguh mereka itu membohongkan agama Allah sebab itu mereka akan di seksanya nanti.

Sidang pembaca yang dihormati, moga-moga Allah mengurniakan taufik dan hidayah bagi kita semuanya di dunia berbahagia dan di akhirat mendapat nikmat kekal abadi. Amin ya rabbal alamin.